

OUCH!

DALAM ISU INI...

- Pengenalan
- Pendidikan / Komunikasi
- Teknologi Keselamatan
- Kepimpinan Melalui Teladan

Melindungi Kanak-kanak Dalam Talian Hari Ini

Pengenalan

Terdapat terlampau banyak cara bagi kanak-kanak pada hari ini untuk berada dan berinteraksi di dalam talian. Dari aplikasi media sosial dan permainan sehinggalah sekolah-sekolah yang membekalkan Chromebooks, kehidupan sosial kanak-kanak dan masa depan bergantung kepada keupayaan mereka untuk memanfaatkan teknologi. Sebagai ibubapa kita mahu mereka melakukannya dalam suasana yang selamat. Bagaimanapun ianya agak mencabar memandangkan ramai diantara kita bukan dilahirkan di zaman teknologi ini. Demi membantu anda kami memaparkan langkah penting untuk membolehkan kanak-kanak hari ini menggunakan teknologi dengan selamat dan terjamin.

Editor Jemputan

Adrien de Beaupre merupakan pengajar bertauliah SANS, pengarang kursus SANS, dan bekerja sebagai penguji penembusan bebas di Ottawa, Ontario, Canada. Di masa lapang beliau meluangkan masa bersama keluarga atau di dojo. Twitter: [@adriendb](https://twitter.com/adriendb)

Pendidikan / Komunikasi

Langkah pertama yang boleh anda ambil adalah komunikasi. Pastikan anda kerap berbual dengan anak-anak dan mereka juga bercakap dengan anda. Seringkali ibubapa terlalu mengikutkan teknologi dengan mempersoalkan aplikasi mana yang baik atau buruk atau apakah perisian keselamatan yang terbaik buat kanak-kanak. Acapkalinya bukanlah teknologi yang menjadi cabaran tetapi ia adalah cabaran terhadap kelakuan dan nilai-nilai pegangan. Kita mahu kanak-kanak berkelakuan seperti di alam nyata ketika berada di dalam talian. Cara mudah untuk memulakannya adalah dengan mencipta garis panduan atau jangkaan dengan anak-anak anda bagaimana mereka menggunakan teknologi. Berikut adalah antara perkara yang perlu dipertimbangkan (ingat peraturan ini berubah apabila kanak-kanak meningkat usia).

- Tetapkan masa bila mereka boleh berada dalam talian, dan untuk berapa lama
- Tanya anak-anak anda siapa rakan atau pengikut mereka dalam talian, dan bagaimana mereka berkawan. Adakah mereka mengenali orang yang mereka berhubung di dalam talian?
- Berbincang dengan anak-anak tentang jenis laman sesawang yang boleh atau tidak mereka lawati atau permainan yang sesuai atau tidak dan sebabnya.
- Apa maklumat yang boleh mereka kongsi dan dengan siapa. Kanak-kanak selalunya tidak tahu bahawa catatan mereka adalah kekal dan terbuka kepada umum. Sebagai tambahan mereka mungkin fikir mereka berkongsi rahsia dengan seorang sahaja, tetapi rahsia tersebut dengan mudah boleh dikongsi dengan semua.
- Kepada siapa mereka perlu melaporkan masalah, seperti jika seseorang di dalam talian bersifat pembuli atau menakutkan.

Melindungi Kanak-kanak Dalam Talian Hari Ini


- Layan orang lain yang berada dalam talian seperti mana mereka ingin dilayani.
- Tiada istilah ketanpanamaan ketika dalam talian, identiti anda boleh dikenal pasti.
- Mereka yang berada dalam talian mungkin bukan seperti apa yang mereka katakan.

Untuk anak-anak yang lebih dewasa satu pilihan adalah dengan mengikat peraturan ini kepada gred akademik, penyelesaian kerja rumah atau bagaimana cara mereka melayan orang lain. Lebih baik perlakuan mereka dalam dunia nyata lebih lama mereka boleh berada dalam talian. Setelah anda tetapkan peraturan, tampilkan berhampiran dengan komputer keluarga atau pada pintu bilik anak anda. Lebih baik jika anda pastikan mereka membacanya dan menurunkan tandatangan pada dokumen tersebut, dengan cara ini semua orang perlu mematuhiinya. Lebih awal anda nyatakan jangkaan anda kepada anak-anak lebih baik. Tidak pasti bagaimana hendak mulakan perbualan dengan anak-anak terutamanya yang lebih dewasa? Tanyakan apakah aplikasi yang mereka gunakan dan bagaimana ianya berfungsi. Minta anak-anak menunjukkan apa yang mereka lakukan di dalam talian.

Teknologi

Sebagai tambahan kepada pendidikan terdapat teknologii yang boleh anda gunakan untuk membantu memantau dan melindungi anak-anak. Kami dapati penyelesaian teknikal adalah yang terbaik untuk anak-anak kecil, terutamanya melindungi mereka dari melayari kandungan yang tidak sepatutnya dan memudaratkan. Walaubagaimanapun kawalan teknikal tidak berapa sesuai apabila mereka meningkat usia. Kanak-kanak yang meningkat usia memerlukan capaian lebih kepada internet tetapi selalunya menggunakan peranti yang bukan dalam kawalan atau pantauan anda, seperti peranti yang diberikan oleh sekolah, konsol permainan, atau komputer di rumah rakan atau sedara-mara. Inilah sebabnya pendidikan adalah sangat penting.

Langkah seterusnya adalah dengan menggunakan komputer khas untuk anak-anak anda. Dengan cara ini mereka tidak boleh menjangkiti komputer yang anda gunakan untuk aktiviti yang lebih sensitif seperti perbankan dalam talian atau membayar cukai. Sebagai tambahan, letakkan komputer anak-anak di kawasan terbuka, iaitu tempat yang kerap dilalui supaya aktiviti mereka boleh dipantau. Hanya kerana anak-anak memberi alasan mereka sedang membuat kerja rumah tidak semestinya mereka sedang melakukannya. Akhir sekali, pastikan komputer anda dilindungi, disandarkan secara berkala dan anak anda tidak mempunyai hak pentadbir. Untuk peranti mudah alih, pertimbangkan untuk mempunyai stesen mengecas berpusat di satu sudut rumah. Sebelum anak anda masuk tidur, pastikan semua peranti mudah alih disimpan di stesen mengecas supaya anak anda tidak menggunakannya sedangkan mereka sepatutnya tidur.



kunci untuk melindungi kanak-kanak dalam talian adalah dengan mendidik mereka tentang bahaya yang mereka hadapi dan pastikan bukan sahaja anda berkomunikasi dengan mereka tetapi mereka juga berbual dengan anda.

Melindungi Kanak-kanak Dalam Talian Hari Ini

Kepimpinan Melalui Teladan

Jangan lupa bahawa kita sebagai ibubapa perlu menunjukkan contoh yang baik. Ini bermakna apabila anak-anak berbual dengan anda, letakkan peranti digital dan pandang mereka. Bertimbangrasalah dengan tidak menggunakan peranti digital di meja makan dan jangan menaip ketika memandu. Akhir sekali, apabila anak-anak melakukan kesilapan, anggap ianya sebagai suatu pengalaman yang boleh dipelajari dan bukannya terus mengambil tindakan disiplin. Terangkan dan ingatkan mereka bahawa anda hanya cuba melindungi mereka dari bahaya yang mereka tidak boleh nampak. Biar mereka tahu yang mereka boleh berjumpa anda jika dan bila mereka mengalami sesuatu yang tidak menyenangkan dalam talian. Ini boleh dilakukan dengan meminta mereka mengambil paparan skrin untuk dikongsi. Pastikan mereka juga selesa berse-muka apabila mereka sendiri melakukan kesilapan. Mengekalkan komunikasi secara terbuka dan aktif adalah cara terbaik untuk membantu anak-anak kekal selamat di dunia digital hari ini.

Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di securingthehuman.sans.org/ouch/archives.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://spsc.skmm.gov.my/>.

Sumber

- RSAC CyberSafety: Kids: <https://www.rsaconference.com/safety>
NCSA: <https://staysafeonline.org/stay-safe-online/for-parents>
FOSI: <https://www.fosi.org/good-digital-parenting>
UK's National Crime Agency: <https://www.thinkuknow.co.uk>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Cathy Click, Cheryl Conley
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie



securingthehuman.sans.org/blog



[/securethehuman](https://www.facebook.com/securethehuman)



[@securethehuman](https://twitter.com/securethehuman)



[securingthehuman.sans.org/gplus](https://plus.google.com/securethehuman.sans.org)